

22/04/2002

Kemelut saham TRI uji kewibawaan Pak Lah

Kadir Dikoh

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi mungkin muncul antara tokoh korporat utama negara jika beliau menerima tawaran lebih sedekad lalu untuk jawatan pengerusi Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom).

Jawatan itu bukan saja akan mendatangkan pendapatan berlipat kali ganda berbanding gaji yang diterimanya sekarang, malah namanya mungkin berada dalam senarai yang menjadi buruan pelabur dalam dunia korporat.

Tetapi Abdullah yang lebih dikenali dengan panggilan Pak Lah menolak tawaran itu dan memilih untuk menumpukan sepenuh masa kepada dunia politik yang dipenuhi onak dan duri.

"Beliau menolak tawaran itu kerana lebih berminat kepada politik untuk memberi khidmat kepada rakyat. Beliau berpendapat dunia korporat tidak begitu berkesan untuk berbakti kepada rakyat secara lebih meluas," kata pembantunya.

Tawaran itu dibuat ketika Abdullah berada di luar Kabinet dan ketika Umno dalam proses pemulihan.

Akibatnya, Pak Lah terpaksa bergantung kepada elaunnya sebagai Ahli Parlimen saja untuk menampung keperluan keluarga serta menjaga kawasanya.

Berikutan itu, beliau terpaksa menjual rumahnya. Keadaan ini berlaku ketika nasibnya dalam politik tidak menentu berikutan krisis dalaman Umno yang sampai ke kemuncaknya pada 1987.

Pak Lah menjadi penganggur terhormat buat seketika tetapi kesetiaannya kepada Umno tetap terserlah tanpa mengikut emosi untuk meninggalkan parti itu seperti beberapa pemimpin lain dalam Team B ketika itu.

"Tidak ramai yang tahu bahawa Pak Lah sebenarnya tahu selok-belok ekonomi. Mungkin kerana beliau tidak pernah berada dalam Kementerian yang ada kaitan dengan ekonomi dan perdagangan, menyebabkannya jarang bercakap mengenai ekonomi. Hakikatnya, beliau memang tahu mengenai ekonomi," kata seorang daripada mereka yang rapat dengannya.

Abdullah dilantik memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri pada 8 Januari 1999 dan baru-baru ini, beliau diberi amanah berat untuk memangku jawatan Menteri Kewangan ketika Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercuti selama sebulan.

Perdana Menteri sendiri pernah mengaku tugas di Kementerian Kewangan amat berat, apatah lagi dengan timbunan fail yang memerlukan penelitian serta tandatangan, hampir semuanya membabitkan wang rakyat.

Antara keputusan berani dan tegas yang berjaya diselesaikan oleh Abdullah dengan cemerlang ialah berkisar kepada masalah penyenaaran terbitan saham terhad Technology Resources Industries Bhd (TRI).

Pada satu ketika, isu ini begitu rumit, kontroversi dan berpotensi untuk mengheret kejatuhan pasaran di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Ini ditambah pula tokoh korporat di belakang TRI, iaitu pengerusinya, Tan Sri Tajudin Ramli, yang sebelum itu heboh dengan kes Penerbangan Malaysia (MAS) serta laporan polis yang dibuat terhadapnya.

Abdullah sedar isu itu perlu diselesaikan segera bagi menghindar daripada gangguan di pasaran. Beliau dikatakan memanggil pihak pengawal selia dari Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan BSKL pada suatu hujung minggu bagi mencari jalan menanganinya.

"Pak Lah tidak mahu berkompromi. Beliau mahu sebarang keputusan dibuat mesti berlandaskan kepada undang-undang (SC dan BSKL) dan setiap peraturan dipatuhi tanpa mengambil kira siapa di belakang syarikat itu kerana personaliti dianggapnya sebagai isu berasingan.

"Pak Lah amat mengambil berat jika sesuatu itu membabitkan wang rakyat dan keputusannya mesti cepat dan sempurna," kata satu sumber industri. Hasilnya, isu TRI berjaya diselesaikan mengikut peraturan dan bukan mengikut "cita rasa politik".

Dalam pertemuan pada hujung minggu itu juga, Abdullah dipetik sebagai memberitahu pegawai pengawal selia bahawa jika penyelesaian isu TRI tidak disegerakan, orang ramai akan menyatakan bahawa Tajudin dijadikan mangsa.

"Jika kita (kerajaan) berlembut, mengetepikan peraturan, maka orang akan kata kita membantu `kroni'. Penyelesaian mesti dibuat segera dan undang-undang dipatuhi.

"Tiada pihak atau individu harus dilihat mendapat pilih kasih. Tiada pilih kasih, tindakan mesti adil, saksama dan ikut aturan... inilah asasnya," kata satu sumber memetik Abdullah sebagai berkata dalam pertemuan tertutup itu.

"Pasaran menyambut positif keputusan itu," kata seorang pemain pasaran yang menyatakan bahawa Abdullah mula menarik perhatian dalam dunia korporat sebagai `Menteri Kewangan' yang berkarisma.

"Mungkin ramai melihat Abdullah terlalu lembut," kata seorang ahli politik yang sudah lama mengenalinya. "Tetapi beliau tegas apabila membuat sesuatu keputusan. Anda tengok sendiri bagaimana beliau menangani isu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Berikannya keris Taming Sari, anda lihat bagaimana beliau menggunakannya dengan baik," katanya sambil memberi contoh isu TRI.

Mungkin disebabkan ketegasannya selaku Menteri Dalam Negeri, termasuk isu larangan ceramah tanpa permit, pembangkang khususnya Pas amat marah kepadanya sehingga akhbar Harakah melalui laman webnya membuat pungutan suara mengenai siapa pemimpin yang paling layak menggantikan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Dan, seperti dijangka, pungutan suara itu tidak menyebelahi Pak Lah.

"Ini kerana yang buat pungutan itu orang Pas. Yang menentukan pemimpin negara adalah ahli Umno, bukan Pas. Ini niat jahat Harakah dan Pas untuk melaga-lagakan pemimpin Umno," kata seorang pemimpin Pergerakan Pemuda Umno.

Namun, bagi dunia korporat, mereka mulai merasakan ketegasan Abdullah menangani isu semasa setelah berakhirnya episod TRI yang menyulitkan itu.

Pemain pasaran menyambut baik pendekatan Pak Lah menangani sesuatu isu berlandaskan peraturan dan undang-undang pasaran dengan ketelusan dan penuh bertanggungjawab.

"Ibarat bermain bola sepak, pengadil akan meniupkan wisel jika pemain melakukan kesalahan tanpa mengira siapa pemain itu," kata seorang pemain pasaran.

Pengerusi SC, Datuk Ali Kadir, menyamakan kekeliruan dalam penyenaian saham terbitan terhad TRI itu dengan isu `jaringan tangan tuhan' Diego Maradona ketika Piala Dunia 1986.

`Jaringan tangan tuhan' Maradona ketika Argentina menentang England itu diterima kerana pengadil tidak melihatnya manakala saham TRI gagal disenaraikan pada saat akhir apabila pihak berkuasa mengesan ia melanggar peraturan.

"Argentina akhirnya meraikan gol itu tetapi TRI terpaksa menunggu dan menyusun strategi baru selepas sahamnya gagal disenaraikan pada 20 Februari lalu. Hakikatnya, Maradona, walaupun handal, tidak bermakna dia boleh menjaringkan gol dengan tangan," katanya.

Ketika ditanya wartawan kemudian mengenai isu itu selepas merasmikan satu majlis, Abdullah antara lain berkata: "Saya harap situasi seumpama ini tidak berulang.

"Kita perlu pelajari daripada apa yang berlaku supaya kalau ada apa-apa masalah yang timbul dan yang menjadi penyebab lembapnya pasaran, kita kena

ambil tindakan supaya tak berlaku lagi. Kerajaan nak jamin 100 peratus (kejadian tidak berulang) memang tak boleh, tetapi kita harap pengawal selia belajar dan ambil iktibar daripada apa yang berlaku.

"Saya yakin akhirnya keyakinan pelabur akan kembali selepas mereka lihat segala-galanya dilakukan mengikut peraturan. Ini penting kerana kita tidak boleh ketepikan undang-undang," katanya.

Taring Pak Lah dalam pasaran setelah berjaya menangani isu TRI sudah kelihatan. Pada hakikatnya, Abdullah adalah antara orang yang membantu merangka Dasar Ekonomi Baru (DEB) - selaku ketua penolong setiausaha dalam Majlis Tindakan Kebangsaan di bawah Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, iaitu badan yang merumuskan DEB. Begitu juga Dasar Wawasan Negara yang beliau turut terbabit sebagai menteri dalam Kabinet Dr Mahathir.

Mungkin kerana Abdullah tidak pernah berada dalam Kementerian yang mempunyai kaitan dengan ekonomi dan kewangan, sesetengah pihak menyangka beliau kurang pakar dalam sektor itu.

Beliau pernah berada dalam Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Luar, Kementerian Pertahanan dan kini Kementerian Dalam Negeri.

"Tetapi mereka silap. Abdullah adalah satu-satunya Menteri Kabinet selain Perdana Menteri yang terbabit dalam merangka dasar utama bagi pembangunan ekonomi negara. Ia sudah bermula sejak 1969 lagi ketika beliau bertugas sebagai pegawai yang turut terbabit merangka DEB," kata pembantunya.

Malah, apabila timbul khabar angin rombakan Kabinet, nama Abdullah turut dikhabarkan untuk kemungkinan berpindah ke Kementerian Kewangan bagi melengkapkannya sebagai persediaan mengambil alih kepemimpinan negara.

Dr Mahathir dikatakan berpuas hati dengan prestasi Abdullah ketika memangku jawatan Menteri Kewangan selama sebulan baru-baru ini. Pemerhati politik menganggap ia sebagai 'ujian terbesar Pak Lah' sama ada 'lulus atau gagal'.

Beliau lulus seperti diakui sendiri oleh Dr Mahathir apabila Perdana Menteri menyatakan berpuas hati dengan prestasi Abdullah.

Menurut beberapa kenalannya, Pak Lah memang berjiwa rakyat, berterus terang dan mahu mengenali semua orang.

Dalam beberapa majlis yang dihadirinya sebelum ini, Pak Lah sendiri sering membuat pembedahan apabila latar belakangnya dibacakan dan kali terakhir ialah sewaktu majlis forum antarabangsa di Brisbane, Australia baru-baru ini.

"Sebenarnya, biodata saya yang dibacakan itu tidak lengkap. Dia (pengerusi majlis) lupa bahawa saya pernah dikeluarkan daripada Kabinet," kata Pak Lah menyebabkan hadirin ketawa dengan jenaknya. Tetapi itu adalah hakikat sebenar apabila beliau diberhentikan seketika daripada Kabinet lebih sedekad lalu.

Tetapi segala-galanya sudah menjadi sejarah dan ada rahmat di sebalik peristiwa itu. Pak Lah bangkit dengan kuat dan berupaya memenangi salah satu daripada tiga jawatan Naib Presiden dalam keadaan politik yang 'cacamarba' berikutan tiupan angin kuat daripada 'Kumpulan Wawasan' diterajui Datuk Seri Anwar Ibrahim.

(END)